



**ISU-ISU PENGURUSAN DANA AWAM DALAM SISTEM  
PERKHIDMATAN ISLAM DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF  
HUKUM ISLAM: TUMPUAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF**

***ISSUES IN PUBLIC FUND MANAGEMENT WITHIN THE ISLAMIC  
SERVICE SYSTEM IN MALAYSIA FROM THE PERSPECTIVE OF  
ISLAMIC LAW: FOCUS ON ZAKAT, SADAQAH, AND WAQF***

MOHD NAZRIL SAAD

Academy of Islamic Studies, University of Malaya

Email: [s2181919@siswa.um.edu.my](mailto:s2181919@siswa.um.edu.my)

MUHAMMAD SAFWAN HARUN

(Corresponding Author)

Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

Email: [safone\\_15@um.edu.my](mailto:safone_15@um.edu.my)

MUHAMMAD IKHLAS ROSELE

Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

Email: [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 1<sup>ST</sup> DEC. 2025; REVISED – 16<sup>TH</sup> FEB. 2026; ACCEPTED – 2<sup>ND</sup> MAR. 2026)**

**ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis isu-isu yang menyentuh aspek muamalat dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia terdiri daripada perkhidmatan zakat, sedekah dan wakaf dari perspektif hukum Islam. Di Malaysia, sektor perkhidmatan Islam seperti zakat, sedekah dan wakaf mulai diterima dalam kalangan masyarakat sebagai salah satu mekanisme yang berupaya membantu meningkatkan taraf kehidupan sejahtera masyarakat. Namun, sesetengah pihak masih mempersoalkan tahap ketelusan pengurusan dana agensi-agensi yang menguruskan perkhidmatan Islam apabila menganggap pengurusan dana hasil kutipan orang ramai tidak terhad kepada kutipan dan agihan semata-mata, malah turut dibelanjakan dan dilaburkan bagi tujuan lain. Justeru, terdapat satu keperluan bagi menganalisis pandangan hukum Islam mengenai kewajaran menggunakan dana awam yang diperolehi hasil daripada kutipan zakat, sedekah dan wakaf bagi tujuan perbelanjaan dan pelaburan yang dimaksudkan. Kajian ini

menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya melalui analisis dokumen bagi mendapatkan pandangan Islam berkaitan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat keharusan syarak mengenai pengambilan dana dalam bahagian ‘amil (zakat dan sedekah) serta nazir (wakaf), dengan kadar yang boleh diselaraskan. Manakala bagi aktiviti pelaburan, kajian mendapati syarak mengharuskan tujuan berkenaan dalam konteks sedekah dan wakaf sahaja, manakala dalam konteks zakat ia masih diperdebatkan dan memerlukan penelitian khusus. Justeru, kajian mencadangkan satu panduan ke arah menangani isu-isu berkenaan dalam konteks pengurusan hukum Islam semasa.

**Kata Kunci:** dana awam, zakat, sedekah, wakaf, perkhidmatan Islam.

### ABSTRACT

This study analyses issues related to muamalat (Islamic commercial transactions) within the Islamic service system in Malaysia, focusing on zakat, sadaqah (charity), and waqf from the perspective of Islamic law. In Malaysia, these Islamic services are increasingly accepted by society as mechanisms capable of improving community well-being. However, some parties continue to question the transparency of fund management by agencies handling these services, especially when public contributions are not only collected and distributed but also spent or invested for other purposes. Therefore, there is a need to examine Islamic legal views on the legitimacy of using public funds collected through zakat, Sadaqat, and waqf for such expenditures and investments. This study adopts a fully qualitative approach through document analysis to explore relevant Islamic perspectives. Findings indicate that Shariah permits the allocation of funds for ‘amil (zakat and Sadaqat) and nazir (waqf), provided that the rate is appropriately regulated. In terms of investment, the study finds that such use of funds is permissible for Sadaqat and waqf, whereas for zakat it remains debatable and requires further scrutiny. The study proposes a Shariah-based guideline to address these issues within the context of contemporary Islamic fund management.

**Keywords:** public fund; zakat; charity; waqf; Islamic service.


### PENGENALAN

Perkhidmatan Islam merupakan satu bentuk aktiviti keagamaan yang menyediakan saluran bagi masyarakat menunaikan tanggungjawab ibadah seperti zakat, sedekah dan wakaf melalui agensi-agensi yang diiktiraf. Ia bertindak

sebagai platform bagi memudahkan umat Islam menyampaikan sumbangan kepada golongan sasaran yang memerlukan. Meskipun matlamatnya bersifat kebajikan dan ibadah, pelaksanaannya didapati tidak selaras dari segi kawal selia perundangan. Sehingga kini, terdapat pelbagai agensi sama ada sektor awam, swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak menjalankan aktiviti perkhidmatan Islam mengikut punca kuasa perundangan berbeza. Misalnya, agensi kerajaan tertakluk kepada peruntukan dan arahan kerajaan, manakala agensi swasta dan NGO pula beroperasi di bawah akta berbeza seperti Akta Syarikat 1965 dan Akta Pertubuhan 1966, yang mewujudkan kepelbagaian dalam pendekatan dan tadbir urus.

Perbezaan bidang kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri, serta jenis perkhidmatan yang berbeza, memberi ruang kepada agensi untuk mengurus dana mengikut budi bicara masing-masing. Bagi perkhidmatan zakat, sedekah dan wakaf, agensi bukan sahaja menjalankan kutipan, malah turut membelanjakan dana sumbangan. Jumlah agihan pula bergantung sepenuhnya kepada kadar kutipan yang diperolehi daripada masyarakat. Semakin tinggi kutipan, maka semakin besar dana yang boleh diagihkan kepada asnaf dan penerima manfaat.

Namun begitu, timbul isu berkaitan penggunaan dana awam bagi menampung kos-kos pengurusan seperti pengangkutan, penginapan, gaji, sumbangan khas, dan juga pengiklanan. Dua isu utama yang dibangkitkan di sini adalah mengenai kewajaran mengambil dana sebagai upah menjalankan kutipan dan tindakan agensi menjalankan aktiviti pelaburan bermodalkan hasil sumbangan berkenaan. Oleh kerana isu ini melibatkan urus niaga kewangan, maka kajian ini dijalankan bagi menganalisis isu-isu pengurusan dana melibatkan perkhidmatan Islam di Malaysia, khususnya dalam konteks zakat, sedekah dan wakaf, berdasarkan perspektif hukum Islam.



**Rajah 1:** Pengurusan Pengambilan Upah dan Pelaburan Perkhidmatan Islam

## SOROTAN LITERATUR

Perkhidmatan Islam di Malaysia ialah satu kerja bagi membantu pelaksanaan tuntutan agama Islam berpandukan kepada nilai dan etika syarak agar memperoleh keredaan Ilahi. Ia melibatkan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang secara teratur dan sistematik melibatkan pelbagai pihak terdiri daripada sektor kerajaan, swasta, badan sukarelawan dan individu. Perkhidmatan Islam dijalankan dengan mengutamakan kepada tuntutan agama Islam itu sendiri seperti menyediakan kemudahan ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, korban dan tuntutan-tuntutan syarak yang lain. Kemudian, disusuli dengan lain-lain kemudahan seperti perkhidmatan kewangan Islam, kekeluargaan Islam, dakwah Islam, perundangan Islam, halal, hubungan masyarakat dan negara-negara Islam (Fatin Rabia'tul Adawiyah Mohammed Fareed, 2020; Mat Ali et al., 2013; Mustafa et al., 2020).

Sejarah perkhidmatan Islam seiring dengan sejarah kedatangan Islam di Tanah Arab melalui dakwah Rasulullah SAW dan penerimaan sahabat baginda pada ketika itu. Amalan perkhidmatan Islam yang diusahakan para generasi *salaf al-salih* merupakan rujukan dan model terbaik dalam mengendali perkhidmatan Islam semasa. Salah satu amalan perkhidmatan Islam yang menjadi kebanggaan para sahabat adalah dengan berkhidmat kepada baginda Rasulullah SAW sendiri. Para sahabat yang berkhidmat kepada baginda SAW dikenali sebagai *khādīm al-Rasūl* (Ahmed Hussein Al-Arousi, 2019; Muhammad Choirin, 2021; Patmawati, 2014).

Ibnu al-Qayyim menyenaraikan beberapa orang sahabat yang pernah berkhidmat secara peribadi kepada baginda SAW. Di antara yang termasyhur adalah Anas bin Malik berkhidmat memenuhi keperluan seharian baginda SAW, kemudian, 'Abd Allāh ibn Mas'ūd berkhidmat sebagai pemegang selipar dan kayu sugi Baginda, 'Uqbah ibn 'Āmir al-Juhani berkhidmat sebagai pemandu tunggangan Rasulullah ketika musafir, Aslam ibn Syarīk berkhidmat sebagai pembawa barangan permusafiran Rasulullah, Bilāl ibn Rabāh berkhidmat sebagai muazzin, Abu Dzār al-Ghifāri, Aimān ibn 'Ubaid dan ibunya Ummu Aiman berkhidmat menyediakan kelengkapan baginda ketika bersuci. Berdasarkan sejarah para sahabat di atas menunjukkan bahawa kebanyakan mereka yang berkhidmat kepada Rasulullah SAW adalah secara sukarela tanpa apa-apa bayaran atau upah yang dikenakan (Taqi al-Din al-Fasi 1998; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2004; 'Ali Jum'ah, 2010).

Dalam konteks pengurusan dana dalam perkhidmatan Islam melibatkan zakat, sedekah dan wakaf, terdapat asas Rasulullah SAW melantik para sahabat bagi mengurus kutipan dan agihan seperti berikut:

Pertama, perkhidmatan zakat. Perkhidmatan zakat merujuk kepada serahan harta tertentu kepada pihak yang menjalankan perkhidmatan pengurusan zakat untuk diberikan kepada *asnaf* yang selayaknya. Di dalam Islam, pemberian zakat boleh dilaksanakan sama ada pemberian secara sendiri kepada mereka yang berhak, melalui agen yang dilantik atau diserahkan kepada pihak pemerintah. Demikian juga penerima zakat, boleh mengambilnya secara sendiri, melalui wakil atau pihak pemerintah yang menguruskannya (Bororo & Mustafa, 2022). Asas perkhidmatan zakat adalah berdasarkan sumber daripada hadis nabi SAW yang melantik salah seorang sahabat (Mu'az ibnu Jabal) sebagai 'amil bagi kutipan zakat dari negara Yaman:

Terjemahan: Daripada Ibnu 'Abbās *radiallahu 'anhuma*, sabda Rasulullah SAW kepada Mu'az ibnu Jabal sewaktu mengutusnyanya ke Yaman, “*Kamu akan mendatangi golongan ahli kitab (Kristian), maka kamu berdakwahlah (agar mereka) mengucap dua kalimah syahadah. Jika mereka patuh, beritabulah bahawa Allah SWT mewajibkan sebari semalam lima waktu solat. Sekiranya mereka patuh, beritahu bahawa Tuhan mewajibkan sedekah (zakat) untuk dikutip dari orang kaya dan diagihkan kepada orang fakir. Jika mereka patuh, janganlah kamu mengambil harta mereka dan takutilah doa-doa orang yang dizalimi, kerana (doa mereka) tidak ada hijab dengan Allah SWT.*” (Sahih al-Bukhāri, 1912)

Berdasarkan hadis yang dinyatakan menunjukkan kepada amalan baginda SAW melantik para sahabat bagi 'amil pengurusan zakat bagi mewakili baginda selaku ketua negara. Terdapat perbezaan di antara 'amil dan wakil dalam perkhidmatan zakat. Lembaga Zakat Selangor (LZS) mendefinisikan 'amil sebagai pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi mewakili DYMM Sultan untuk menjalankan tugastugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan. 'Amil yang dilantik merupakan salah satu dari golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran. Berdasarkan definisi yang dikemukakan, perbezaan 'amil dan selainnya adalah pada kelayakan pelantikan iaitu mestilah dilantik oleh pemerintah atau ketua agama bagi sesebuah negeri. Jika terdapat mana-mana individu atau agensi yang mendapat pentauliahian atau pelantikan daripada pihak pemerintah, selayaknya ia merupakan 'amil dan berhak tergolong dalam kalangan *asnaf* 'amil. Adapun, individu atau agensi yang dilantik selain daripada pihak pemerintah, maka ia hanyalah sebagai wakil bagi menjalankan tanggungjawab sama ada kutipan atau agihan zakat berkenaan. Begitu juga individu atau agensi yang

dilantik oleh institusi ‘amil, namun tidak mendapat pelantikan daripada pihak pemerintah, maka ia hanyalah wakil bagi ‘amil, bukannya ‘amil (Hairullfazli & Azman, 2011; Rahman & Abd Shakor, 2024; Romli & Daud, 2023).

Kedua, perkhidmatan sedekah. Menurut al-Asfahāni, sedekah bererti sesuatu yang dikeluarkan oleh seseorang daripada hartanya sebagai tanda *qurbah*, namun perkataan sedekah merujuk kepada ibadah sunat (Mujib, 2022). Bagi mengurus dana dalam perkhidmatan sedekah, nabi SAW yang melantik seorang lelaki sebagai ‘amil bagi kutipan sedekah sebagaimana hadis berikut:

Diriwayatkan daripada Abu Humaid Al-Sa‘idi, bahawa Rasulullah SAW pernah melantik seorang ‘amil bernama Ibnu al-Lutaibah untuk mengurus kutipan sedekah daripada Bani Sulaim. Setelah selesai menjalankan tugasnya, beliau kembali menemui Rasulullah SAW dan menyerahkan hasil kutipan. Beliau berkata, *“Ini adalah harta sedekah yang dikutip untuk tuan, manakala yang ini pula adalah hadiah yang diberikan kepada saya.”* Mendengar itu, Rasulullah SAW bersabda, *“Mengapa kamu tidak duduk sabaja di rumah ayah atau ibumu dan libatlah, adakah orang akan memberimu hadiah jika kamu tidak dilantik?”* (Sahih al-Bukhāri, 1994)

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Humaid al-Sā‘idi menggambarkan situasi di mana Rasulullah SAW menegur seorang ‘amil (petugas kutipan sedekah), Ibnu al-Lutaibah, kerana membezakan antara harta sedekah yang dikutip dan hadiah yang diterimanya secara peribadi. Baginda mempertikaikan integriti tindakan tersebut dengan menyatakan bahawa jika benar hadiah itu adalah untuknya secara peribadi, maka ia seharusnya diterima ketika beliau berada di rumah, bukan sewaktu menjalankan tugas rasmi. Hadis ini turut menjelaskan keperluan ada pemeriksaan dan pengawasan (audit) ke atas ‘amil yang diamanahkan mengurus dana awam seperti sedekah, agar tidak berlaku salah guna kuasa atau percampuran antara harta peribadi dan harta amanah (Ibnu Taimiyyah al-Harrāni, 1987). Dalam konteks pengurusan perkhidmatan Islam masa kini seperti zakat, sedekah dan wakaf, prinsip ini menegaskan kepentingan ketelusan dan keperluan menjalankan audit pemeriksaan dalam mengurus dana awam. Tambahan pula, sejarah menunjukkan bahawa pelantikan ‘amil pada zaman Rasulullah SAW merangkumi pelbagai bentuk harta dan kewangan umat Islam, bukan hanya zakat. Maka, sebarang perbelanjaan, termasuk gaji, kos operasi atau pelaburan menggunakan dana ini perlu diteliti dan diaudit agar ia

selari dengan kehendak syarak dan tidak menimbulkan konflik kepentingan atau keraguan dalam kalangan masyarakat. (Irwansah, 2021).

Ketiga, asas perkhidmatan wakaf. Wakaf merupakan suatu harta sumbangan sebagai *taqarrub* kepada Allah SWT bagi memanfaatkan secara meluas perolehan hasil dengan terus mengekalkan sumber-sumber asal sebagai modal tetap. Dari segi pengurusan dana, terdapat satu perbahasan khusus mengenai pengendalian pentadbiran harta wakaf yang dikenali sebagai *al-Nazārah* atau nazir. Peranan yang diberikan kepada nazir meliputi keseluruhan pengurusan wakaf seperti mengurus hal kutipan, penjagaan, agihan termasuk pelaburan daripada harta wakaf berteraskan kepatuhan syarak. Amalan berwakaf sama seperti konsep sedekah secara umum (Ramli et al., 2022). Oleh itu, ia termasuk perkara-perkara *qurbah* di dalam Islam. Bagaimanapun, wakaf lebih menjurus kepada konsep sedekah jariah sebagaimana yang diriwayatkan di dalam hadis berikut:

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda, *“apabila manusia telah meninggal dunia, nescaya terputuslah segala amal perbuatannya melainkan tiga perkara sama ada sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak sālīb yang mendoakannya.”* (Sahih Muslim, 2011)

Penelitian terhadap beberapa hadis mendapati bahawa Rasulullah SAW dan para sahabat lebih menggunakan terma *al-habs* berbanding kalimah wakaf sebagaimana hadis yang diriwayatkan 'Abdullah bin 'Umar mengenai tanah khalifah 'Umar di Khaibar seperti berikut:

Terjemahan: Daripada Ibnu 'Umar menceritakan, *‘Umar telah memperoleh sebidang tanah di Khaibar. Lalu, beliau menemui baginda Nabi SAW bagi mendapatkan perkenan menguruskan hartanah itu. Kata 'Umar, "Wabai Rasulullah, saya telah memperoleh sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini". Baginda SAW bersabda, "Sebaiknya, tabanlah (wakafkanlah) tanah itu dan sedekahkan manfaatnya". 'Umar mengeluarkan sedekah dari hasil tanah itu dengan tidak menjual, membeli, mewarisi atau menghadihkan. 'Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba, orang yang berjihad di jalan Allah, Ibnu Sabil dan hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya (nazir) boleh makan*

*sebahagian manfaat tersebut secara makruf dan boleh memberi makan kepada temannya sekadarnya sahaja". (Sahih Muslim, 2011)*

Hadis ini meriwayatkan tindakan Saidina ‘Umar al-Khattāb RA yang menemui Rasulullah SAW bagi mendapatkan pandangan tentang tanah yang dimilikinya di *Khaibar*. Baginda mencadangkan agar tanah tersebut diwakafkan sebagai satu bentuk pemanfaatan yang berlandaskan syarak. Setelah diwakafkan, pewakaf tidak lagi boleh menjual, mewariskan atau menghadihkan harta tersebut. Namun, manfaat tanah itu boleh dimanfaatkan untuk golongan fakir, miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba, pejuang *fi sabilillah*, musafir dan tetamu. Hadis di atas turut menjelaskan berkenaan pelantikan seorang pengurus harta wakaf yang dikenali di dalam perbahasan fikah sebagai nazir. Hal ini berasaskan kepada sabda baginda mengenai seorang pentadbir atau nazir turut berhak mengambil bahagiannya secara makruf disebabkan usaha dan perkhidmatannya menguruskan harta berkenaan (al-Rahībāni, 1994).

Terdapat riwayat *athar* menceritakan bahawa Khalifah ‘Umar telah melantik Hafsah sebagai nazir bagi mengurus harta wakaf beliau sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi sebagai tambahan daripada hadis Ibnu ‘Umar tersebut:

Terjemahan: Daripada Ibnu ‘Umar, katanya, “... *kemudian, ‘Umar ibnu al-Khattāb mewasiatkan kepada Hafsah binti ‘Umar (untuk mengurus harta wakaf), kemudian Hafsah mewasiatkan pula kepada keturunan beliau yang paling tua*”. (al-Sunan al-Kubrā, 2003)

*Athar* Ibnu ‘Umar ini dijadikan hujah bagi *fujabā* yang berpandangan bahawa pentadbiran harta wakaf diharuskan menguruskannya secara sendiri sebagaimana yang dilakukan para sahabat terdahulu. Imam Syafie RA turut meriwayatkan *athar* yang sama dengan menjelaskan, “*bahawa ‘Umar ibnu al-Khattāb mentadbir sendiri harta wakafnya sehingga beliau meninggal dunia, kemudian harta wakaf tersebut diuruskan pula oleh Hafsah binti ‘Umar sehinggalah meninggal dunia, kemudian ia diuruskan oleh al-Hasan ibnu ‘Ali RA*” (Al-Syafie, 1983).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen berkaitan isu-isu pengurusan dana awam dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia dari perspektif hukum Islam. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mengkaji sumber-sumber utama seperti kitab-kitab fikah, fatwa semasa,

garis panduan institusi Islam, laporan rasmi agensi, dan dokumen perundangan yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan dana awam dalam perkhidmatan zakat, sedekah dan wakaf. Dokumen-dokumen ini dianalisis bagi mengenal pasti prinsip perkhidmatan Islam, pandangan ulama mengenai pengambilan dana sebagai upah dan hukum pelaburan dana awam. Analisis ini dijalankan secara induktif, deduktif dan komparatif untuk melihat keselarasan antara prinsip syarak dengan amalan semasa serta pandangan fikah mengenai isu yang dibincangkan.

### DAPATAN KAJIAN

Kajian dikemukakan bagi mendapatkan penjelasan sebenar mengenai realiti sistem perkhidmatan Islam melibatkan perkhidmatan zakat, sedekah dan wakaf di Malaysia. Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa sistem perkhidmatan Islam mempunyai asas pelaksanaannya dari aspek perundangan. Namun, ia dilihat berbeza dan tidak selaras bagi setiap perkhidmatan yang dijalankan. Ini membuktikan bahawa sistem perkhidmatan Islam di Malaysia mempunyai cabaran dari aspek perundangan sehingga membawa kepada isu-isu dari pelbagai aspek termasuk pengurusan dana awam.

Dari segi perkhidmatan zakat, terdapat empat belas MAIN di seluruh Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan bertanggungjawab dalam mentadbir perkhidmatan zakat negeri (Muhammad Hafiz & Siti Nabilah, 2017). Bagi melancarkan lagi pengurusan zakat, MAIN bertindak menubuhkan suatu entiti atau badan bagi menguruskan hal berkaitan zakat negeri. Dengan penubuhan agensi pengurusan zakat di peringkat negeri menjadikan urusan melibatkan kutipan, agihan dan aktiviti berkaitan zakat dapat diselaraskan dengan lebih berkesan ke atas *asnaf* bagi negeri masing-masing. Kebanyakan negeri menubuhkan anak syarikat di bawah MAIN bagi tujuan pengurusan kutipan dan agihan zakat seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Berbeza dengan Negeri Kedah, pengurusan kutipan dan agihan zakat dikawal selia oleh Lembaga Zakat Kedah (LZK), suatu badan yang lain daripada Majlis Agama Islam Kedah (MAIK).

Sebenarnya, pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan zakat di negeri masing-masing. Salah satunya, adalah dengan mewujudkan Dasar Wakalah Zakat (DWZ) iaitu satu program yang diusahakan agensi pengurusan zakat negeri bagi melibatkan warga masyarakat terdiri daripada individu, syarikat, pertubuhan dan institusi pendidikan menjalankan sendiri kutipan dan agihan bersama kepada *asnaf* secara langsung. Inisiatif DWZ merupakan dasar yang telah diperkenalkan bermula dari tahun 2009 melalui permintaan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk menjalankan agihan zakat secara sendiri

terhadap sebahagian zakat yang diperolehi (Raja Muhd Azman Raja Azam & Muhammad Noor Habibi Hj Long, 2019).

Setiap mereka yang memperoleh kebenaran untuk menjalankan DWZ berupaya memperoleh kadar pulangan tertentu bagi menjalankan agihan secara sendiri seperti jadual berikut:

**Jadual 1: Kadar Pulangan Dasar Wakalah Zakat MAIWP**

Entiti	Jenis Zakat	Jumlah Zakat Setahun	Kadar Pulangan Wakalah
<b>Individu</b>	Zakat Harta / Pendapatan	RM20,000.00 dan ke atas	>RM20,000.00 = 12.5%
			>RM25,000.00 = 25%
			>RM100,000.00 = 37.5%
			>RM1, 000 000.00 = 50%
<b>Syarikat atau organisasi</b>	Zakat Perniagaan	RM10,000.00 dan ke atas	>RM10, 000.00 = 37.5%
			>RM1, 000 000.00 = 50%
<b>Majikan</b>	Potongan Gaji	RM100,000.00 dan ke atas	>RM100,000.00 = 12.5% >Potongan gaji RM100,000.00 dan pengesahan 80% pemotongan gaji = 37.5%
<b>Institusi Pengajian Tinggi</b>	Potongan Gaji	Tiada had minimum	Tiada had bayaran zakat = 50%



**Rajah 2:** Ringkasan Kadar Pulangan DWZ MAIWP

Jadual di atas mengenai kadar pulangan yang diberikan kepada pembayar zakat berbeza mengikut kategori entiti dan jumlah zakat yang ditunaikan. Bagi individu yang membayar zakat harta atau pendapatan sebanyak RM20,000 dan ke atas, kadar pulangan yang diberikan bermula dari 12.5% dan boleh mencecah sehingga 50% sekiranya jumlah zakat yang dibayar melebihi RM1 juta. Bagi kategori syarikat atau organisasi yang membayar zakat perniagaan sebanyak RM10,000 dan ke atas, kadar pulangan bermula daripada 37.5% dan boleh meningkat sehingga 50%, selaras dengan jumlah zakat yang dikeluarkan. Dalam konteks pemotongan gaji oleh majikan pula, pulangan *wakalah* sebanyak 12.5% akan diberikan bagi jumlah potongan zakat melebihi RM100,000, manakala jika potongan gaji melebihi RM100,000 disertai dengan pengesahan bahawa 80% pekerja telah dipotong gajinya untuk zakat, kadar pulangan yang diberikan meningkat kepada 37.5%. Institusi pengajian tinggi juga tidak dikecualikan, di mana mereka diberi kadar pulangan *wakalah* sehingga 50% tanpa had minimum bayaran zakat. Kadar-kadar ini memperlihatkan insentif kewangan yang ditawarkan bagi menggalakkan penyertaan aktif dalam sistem zakat menerusi mekanisme *wakalah*.

Dari segi perkhidmatan sedekah, pelaksanaannya bersifat lebih terbuka dan inklusif berbanding zakat yang tertakluk kepada pengurusan oleh ‘amil yang diiktiraf secara rasmi. Tidak seperti zakat yang tertumpu kepada agensi tertentu, sedekah dilaksanakan dari pelbagai entiti termasuk individu, NGO, institusi swasta dan komuniti awam tanpa memerlukan pelantikan formal. Peningkatan jumlah kutipan sedekah banyak bergantung kepada keberkesanan strategi kempen, kepercayaan masyarakat terhadap pengurus dana, serta tahap kesedaran dan keprihatinan sosial dalam kalangan penderma. Dalam konteks semasa, istilah sedekah sering digunakan secara sinonim dengan sumbangan, pendanaan awam

dan khairat, di mana agihannya terbuka kepada semua golongan masyarakat tanpa syarat rigid, merangkumi penerima daripada kalangan Muslim mahupun bukan Muslim. (Ikram & Ridwan, 2023).

Dalam konteks perundangan, tiada peruntukan khusus bagi mengawal selia aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan perkhidmatan sedekah di Malaysia. Hal ini berasaskan bahawa sedekah masih berada di luar kerangka perundangan yang jelas berbanding instrumen kebajikan Islam lain seperti zakat dan wakaf, yang telah mempunyai asas perundangan yang lebih tersusun dan termaktub. (Markom et al., 2015). Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 11 yang memperuntukkan kepada mana-mana individu atau kumpulan untuk mengurus dan melaksanakan aktiviti kebajikan berdasarkan pegangan agama masing-masing. Meskipun tiada akta khusus yang mengawal perkhidmatan sedekah, pelaksanaannya masih tertakluk kepada peruntukan khairat seperti yang dijamin oleh Perlembagaan seperti berikut:

*(3) Tiap-tiap kumpulan agama berhak (a) mengurus hal ehwal agamanya sendiri, (b) menubuh dan menyelenggara institusi-institusi bagi maksud agama dan khairat, (c) memperoleh dan mempunyai harta dan memegang atau mentadbirkannya mengikut undang-undang.*

Berdasarkan peruntukan enakmen ini menjelaskan bahawa kuasa perundangan bagi menjalankan sebarang aktiviti pungutan khairat adalah di bawah MAIN. Khairat yang dimaksudkan di bawah enakmen ini merujuk kepada wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak. Peruntukan enakmen ini juga menjelaskan bahawa mana-mana pihak yang ingin memungut khairat hendaklah mendapatkan kebenaran daripada MAIN. Bagi mereka yang melanggar undang-undang mengenai hal ini akan disabitkan kesalahan denda sebanyak RM1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan (Ibhraim et al., 2017; Masrukhin et al., 2022).

Mengenai perkhidmatan wakaf, pengurusannya di bawah pentadbiran MAIN yang merupakan pemegang amanah tunggal sebagaimana yang tertera di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN). Terdapat beberapa negeri telah memperuntukkan enakmen khusus berkaitan wakaf yang diselaraskan dengan EPAIN seperti Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Mahmood et al., 2017).

Melalui peruntukan tersebut membenarkan beberapa negeri menubuhkan badan khas bagi menguruskan wakaf seperti Wakaf Perak ArRidzuan di bawah Majlis Agama Islam Perak dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pentadbiran agama Islam di Malaysia yang berbeza antara negeri telah mempengaruhi pengurusan wakaf antara satu sama lain. Oleh itu, terdapat negeri seperti Selangor menyerahkan urusan berkaitan wakaf di bawah PWS secara keseluruhan. Manakala terdapat negeri seperti Pulau Pinang menyerahkan urusan wakaf komersial melalui anak syarikat di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), dan urusan wakaf sosial di bawah MAIPP sendiri (Syarifah Zubaidah Syed Abdul Kader, 2016).

Senario di atas menunjukkan terdapat kekangan perundangan bagi mengawal dan memantau aktiviti yang dijalankan agensi-agensi pelaksana perkhidmatan. Mengenai zakat dan wakaf, terdapat asas pemantauan dengan penubuhan institusi zakat dan badan wakaf negeri yang mempunyai kuasa bagi menjalankan perkhidmatan berkenaan. Namun, perbezaan perundangan antara negeri menyebabkan pelaksanaannya sukar diselaraskan. Manakala bagi perkhidmatan sedekah, pemantauan dilihat kurang jelas terutama melibatkan peranan khairat yang terlalu umum.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan di atas, perkhidmatan Islam seperti zakat, sedekah dan wakaf di Malaysia masih terdedah kepada pelbagai isu melibatkan beberapa aspek. Di antara isu yang dikaitkan adalah melibatkan aspek pengurusan dana awam yang diperolehi agensi untuk digunakan bersama sama ada bagi mengenakan caj pengurusan, upah pekerja mahupun modal bagi menjalankan aktiviti pelaburan (Samsul, 2020). Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada dua isu utama iaitu isu pengambilan upah dan isu pelaburan hasil pelaksanaan wakalah dalam perkhidmatan Islam:

### **Pertama: Isu Pengambilan Upah**

Dalam konteks zakat, Allah SWT telah menetapkan satu peruntukan khusus kepada ‘amil yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan zakat dan sedekah wajib sebagaimana ketetapan di dalam al-Quran melalui Surah al-Tawbah: 60. Konsep ‘amil bermaksud seseorang yang dilantik oleh pemerintah untuk menjalankan kutipan, urusan dan agihan kepada mereka yang selayaknya. Dalam erti kata yang lain, seseorang yang tidak dilantik oleh pemerintah, maka ia tidak dikategorikan sebagai ‘amil. Demikian juga, seseorang yang diwajibkan mengeluarkan zakat, telah mengagihkan sendiri zakat kepada *asnaf*, tidak

termasuk sebagai ‘amil. Justeru, mereka yang dilantik sebagai ‘amil oleh pemerintah atau ‘naib’ (penggantinya), layak untuk menerima upah atau ganjaran daripada bahagian ‘amil sebagaimana yang ditetapkan di dalam al-Quran (Rosadi, 2017).

Menurut Shahīn (2004), *fuqahā* bersepakat bahawa kadar upah atau ganjaran yang diterima bergantung kepada kadar keupayaan, pekerjaan, tanggungjawab dan usaha yang digerakkan. Dalam konteks negara, ‘amil yang dilantik merupakan agensi pengurusan zakat serta mereka yang dilantik secara rasmi oleh Sultan atau Raja di peringkat negeri masing-masing. Dalam erti kata lain, mereka yang tidak mendapat pelantikan secara rasmi, maka ia dianggap pelantikan di antara *mumakkil* dan wakil dalam konteks *wakalah* sahaja (bukannya ‘amil). Oleh itu, pengambilan upah dan kadar yang sewajarnya adalah berdasarkan persetujuan di antara kedua-dua pihak antara *mumakkil* dan wakil, bukannya sebagai ‘amil. Justeru, pelantikan penolong ‘amil yang diperolehi sesetengah pihak dengan kadar 1/16 misalnya, hanyalah urusan antara agensi pengurusan zakat negeri selaku ‘amil yang sah dan mereka yang dilantik dengan persetujuan kedua-dua pihak.

**Jadual 2:** Pengambilan Upah dalam Perkhidmatan Zakat

Hukum Pengambilan Upah Zakat	Kadar Pengambilan Upah Zakat	Pengambilan Upah Zakat Dalam konteks ‘Amil	Pengambilan Upah Zakat Selain daripada ‘Amil
<i>Fuqahā</i> sepakat keharusannya	1/8 kepada ‘amil yang dilantik pemerintah	Bergantung kepada pelantikan amil sama ada daripada pemerintah atau selainnya	Berdasarkan persetujuan bersama di antara pembayar dan wakil pembayar

Dalam konteks amalan bersedekah, para fuqaha bersepakat bahawa ia merupakan satu bentuk ibadah *qurbah* (mendekatkan diri kepada Allah SWT) yang mendatangkan ganjaran khusus. Tindakan memberi sedekah dilihat sebagai amalan kebajikan yang membawa manfaat rohani kepada pelaksananya. Selain itu, terdapat kesepakatan fuqaha bahawa pihak yang menjalankan aktiviti kebajikan berhak menerima rezeki atau pemberian selagi tidak disertai syarat atau timbal balik tertentu (Anjelina et al., 2020). Namun begitu, para ulama berbeza pandangan mengenai keharusan mengambil upah atas perkhidmatan yang dikategorikan sebagai ibadah. Menurut pandangan Imam Abu Hanifah dan

Ahmad, perkara tersebut tidak dibenarkan. Sebaliknya, Imam Malik dan Syafie berpendapat bahawa pengambilan upah adalah dibolehkan dalam keadaan tertentu.

Berdasarkan penelitian, konsep *qurbah* yang dibincangkan oleh para fuqaha merujuk kepada amalan ibadah yang dilaksanakan secara langsung oleh individu, seperti mengajar al-Quran, menjadi imam, bilal atau pembaca doa. Dalam hal ini, individu yang melaksanakan tugas tersebut dianggap sebagai pelaksana asal ibadah. Namun begitu, dalam konteks perkhidmatan sedekah, pelaksanaannya lebih cenderung kepada bentuk perwakilan, di mana individu atau agensi bertindak sebagai wakil atau ejen bagi pihak penderma untuk mengumpul dan mengagihkan dana kepada penerima. Oleh itu, pelaksanaan sedekah dalam bentuk perkhidmatan kebajikan tidak semestinya menempatkan pelaksana sebagai pelaku ibadah secara langsung, tetapi lebih sebagai penghubung antara pemberi dan penerima, yang menimbulkan perbincangan hukum berkaitan keharusan menerima upah dalam konteks tersebut. (Shahin, 2004).

Oleh yang demikian, wujud perbezaan yang ketara antara konsep *qurbah* sebagaimana yang difahami oleh fuqaha dengan bentuk perkhidmatan sedekah yang dilaksanakan. Konsep *qurbah* merujuk kepada ibadah yang dilaksanakan secara langsung oleh individu bagi mendekati diri kepada Allah, manakala perkhidmatan sedekah berfungsi sebagai satu platform bagi orang ramai menyalurkan sumbangan kepada penerima yang memerlukan. Dalam hal ini, pelaksana perkhidmatan sedekah tidak bertindak sebagai pelaku utama ibadah, sebaliknya hanya sebagai perantara, wakil atau ejen yang mengurus kutipan dan agihan sumbangan. Oleh itu, secara prinsipnya, segala bentuk sumbangan yang diterima daripada para penderma wajar disalurkan sepenuhnya kepada pihak sasaran, tanpa disertai tuntutan upah atau ganjaran oleh pihak pengurus.

Namun begitu, timbul persoalan berkenaan kewajaran pihak pelaksana perkhidmatan mengenakan caj pengurusan dalam melaksanakan amanah pengurusan sumbangan. Isu ini telah dibahaskan oleh para fuqaha khususnya dalam konteks pengambilan upah daripada dana yang bersumberkan baitulmal. Secara asasnya, para fuqaha bersepakat bahawa diharuskan mengambil bayaran daripada baitulmal kerana ia ditubuhkan demi kemaslahatan umum. Namun, apabila melibatkan pengambilan upah daripada sumbangan yang tidak disalurkan melalui baitulmal, para fuqaha berbeza pandangan kepada tiga pendapat utama. Pendapat pertama yang dipegang oleh fuqaha mazhab Maliki, Syafie, satu riwayat daripada Ahmad serta fuqaha *mutaakhirin* mazhab Hanafi, membenarkan pengambilan ganjaran atau caj pengurusan. Pendapat kedua iaitu fuqaha mazhab

Hanafi dan salah satu pandangan dalam mazhab Hanbali pula tidak mengharuskan pengambilan caj tersebut atas alasan ia melibatkan ibadah *qurbah*. Manakala pendapat ketiga, yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad dan *ikhtiyār* Ibnu Taimiyah, membenarkan pengambilan caj pengurusan tetapi hanya sekadar keperluan (al-Kuthairy, 2012).

Perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai pengambilan upah daripada amalan *qurbah* berpunca daripada perbincangan tentang manfaat yang terhasil sama ada kembali kepada pelaksana ibadah itu sendiri atau sampai kepada pihak lain. Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, kajian ini cenderung kepada pandangan yang mengharuskan pengambilan caj pengurusan secara terhad dan sekadar keperluan. Pendekatan ini dilihat sebagai jalan tengah yang meraikan kedua-dua pandangan; iaitu golongan yang membenarkan secara mutlak dan golongan yang menolaknya secara keseluruhan. Justeru, isu pengambilan upah hendaklah bergantung kepada keperluan sebenar pelaksana perkhidmatan sedekah bagi memastikan kelancaran penyampaian sumbangan. Namun begitu, pelaksana perkhidmatan digalakkan menyediakan pengasingan akaun antara dana pengurusan dan sumbangan orang ramai serta memaklumkan kepada penderma tentang kewujudan caj tersebut bagi menjamin ketelusan dan menjaga amanah.

**Jadual 3:** Pengambilan Upah Dalam Perkhidmatan Sedekah

Hukum Pengambilan Upah Sedekah	Kadar Pengambilan Upah Sedekah	Kedudukan Pelaksana Sedekah Dalam konteks upah	Pengambilan Upah Sedekah Selain Baitul Mal
Khilaf <i>fuqahā</i> mengenai konsep <i>qurbah</i>	Tiada ketetapan yang ditentukan syarak	Pelaksana bertindak sebagai wakil	Berdasarkan persetujuan di antara pembayar dan wakil

Manakala dalam konteks wakaf, nazir berhak memperoleh upah sebagaimana yang ditetapkan oleh pewakaf. Malah, sekiranya pewakaf tidak menetapkan sebarang kadar upah, maka nazir boleh menjalankan tugas menguruskan harta dengan dua cara. Pertama; nazir boleh melaksanakannya secara percuma, atau kedua; mengangkat perkara tersebut kepada pemerintah untuk menetapkan kadar upah yang berhak diperolehi. Begitu juga jika nazir tidak bersetuju dengan kadar upah yang ditetapkan pewakaf, maka ia boleh mengangkat hal berkenaan kepada pemerintah untuk menetapkan kadar yang

bersesuaian mengikut ujah *al-mithl*. Ujah *al-mithl* bermaksud kadar bayaran atau imbuhan yang ditentukan berdasarkan nilai semasa atau kebiasaan masyarakat bagi sesuatu pekerjaan, bukannya berdasarkan persetujuan khusus dalam akad.

Dari segi kadar upah, tidak ada sebarang nas daripada syarak yang menetapkan kadar yang perlu diterima oleh nazir dalam mengurus harta wakaf (Muhammad Subari Ramli, 2014). Oleh itu, tanggungjawab pemerintah adalah dengan mengeluarkan satu ketetapan bagi menentukan kadar yang perlu diterima oleh nazir berdasarkan keperluan semasa. Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan *fuqahā* mengenai kadar yang ditetapkan pemerintah untuk diperolehi nazir kepada tiga pendapat. Pendapat pertama, iaitu *fuqahā* mazhab Hanafi dan Hanbali menyatakan kadar yang ditetapkan pemerintah tidak lebih daripada ujah *al-mithl*. Pendapat kedua, iaitu *fuqahā* mazhab Maliki menyatakan ia ditentukan sendiri oleh pemerintah sama ada lebih atau kurang dari ujah *al-mithl*. Manakala pendapat ketiga, iaitu *fuqahā* mazhab Syafie menyatakan nazir perlu mengambil harta sekadar nafkah atau saraan diri dan keluarga atau kurang dari ujah *al-mithl* (Shahīn, 2004).

**Jadual 4:** Pengambilan Upah dalam Perkhidmatan Wakaf

Hukum Pengambilan Upah Wakaf	Kadar Pengambilan Upah Wakaf	Pengambilan Upah Wakaf Dalam konteks <i>wakalah</i>	Pengambilan Upah Wakaf
Diharuskan melalui pelantikan nazir	ujah <i>al-mithl</i> sebagai kadar asas	Tiada halangan pelantikan berdasarkan persetujuan	Berdasarkan persetujuan di antara pewakil dan wakil

### **Kedua: Isu Pelaburan Bermodalkan Dana Sumbangan**

Mengenai pelaburan menggunakan dana kutipan zakat, terdapat dua keadaan aktiviti pelaburan yang dijalankan; pertama, pembayar zakat membayar zakat kepada wakil, dan wakil menjalankan pelaburan bagi pihak pembayar zakat. kedua, pembayar zakat membayar zakat kepada ‘amil atau agensi pengurusan zakat, dan ‘amil menjalankan pelaburan bagi pihak pemerintah (Al-Hindawi, 2019).

**Pertama; wakil menjalankan pelaburan bagi pihak pembayar zakat.** Sebagaimana konsep *wakalah*, seorang wakil yang dilantik adalah terikat dengan keizinan dan kehendak daripada pewakil dalam aktiviti yang dijalankan. Kaedah fikah dalam konteks *wakalah* menjelaskan bahawa seseorang yang

memiliki kuasa bagi menjalankan sesuatu urusan, maka berhak mewakilkannya kepada pihak lain melaksanakannya. Oleh kerana pewakil (pembayar zakat) tidak memiliki kuasa ke atas zakat yang wajib kepadanya, maka wakil yang menerima harta berkenaan juga tidak berhak menguruskannya sama ada menjual, membeli, melabur dan seumpamanya melainkan diserahkan kepada yang berhak menerima zakat berkenaan (al-Haitamī, 1983).

Selain itu, pelaburan lazimnya berisiko untung dan rugi daripada aktiviti yang dijalankan serta menyebabkan berlakunya kelewatan dalam serahan sedangkan ibadah zakat tertakluk kepada tempoh tertentu. Oleh itu, kajian mendapati hukum menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak pembayar zakat adalah tidak diharuskan terutama kepada agen atau agensi yang dilantik. Hal ini berasaskan kepada peranan agen atau agensi hanyalah sebagai wakil pembayar zakat sebagaimana penjelasan daripada konsep *wakalah* (Al-Nawawi, 1991).

**Kedua, wakil menjalankan pelaburan bagi pihak pemerintah.** Pada keadaan kedua ini, pelaksana perkhidmatan zakat terdiri daripada mereka yang dilantik sebagai wakil dari pihak pemerintah. Mengenai hal ini, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan *fuqahā* (kontemporari) kepada enam pendapat seperti berikut:

**Jadual 5:** Pandangan *fuqahā* Pengambilan Modal Pelaburan Zakat Bagi Pihak Pemerintah (al-Kuthairy, 2012).

BIL.	PERNYATAAN	PANDANGAN OLEH:
1.	Diambil daripada semua bahagian harta zakat	<i>Majma' al-Fiqh al-Islami</i> , Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
2.	Diambil daripada semua bahagian <i>asnaf</i> kecuali <i>asnaf</i> fakir dan miskin	Sheikh Ahmad Bazi' al- Yasin
3.	Diambil daripada empat bahagian <i>asnaf</i> yang terakhir	Sheikh Ruhān Ambaya
4.	Diambil daripada bahagian <i>asnaf fī sabilillah</i>	Wahbah al-Zuhaili
5.	Diambil daripada harta zakat ' <i>al-muddakbirah</i> '	Dr. Husain Hamid Hasan
6.	Tidak mengharuskan aktiviti pelaburan dijalankan	Lajnah Ilmiah dan Fatwa, Kerajaan Arab Saudi

Pendapat pertama, mengharuskan aktiviti pelaburan daripada harta zakat. Pendapat kedua, mengharuskan aktiviti pelaburan diambil daripada semua bahagian *asnaf* kecuali *asnaf* fakir dan miskin. Ketiga, mengharuskan aktiviti

pelaburan diambil daripada empat bahagian *asnaf* yang terakhir sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran *iaitu asnaf al-riqab, alghārimin, dan fi sabilillah*. Pendapat keempat, mengharuskan aktiviti pelaburan diambil daripada bahagian *asnaf fi sabilillah*. Pendapat kelima, mengharuskan aktiviti pelaburan diambil daripada harta zakat '*al-muddakbirah*' yang disimpan (untuk dikembangkan). Manakala pendapat keenam, tidak mengharuskan aktiviti pelaburan dijalankan daripada harta zakat (al-Kuthairy, 2012).

Titik perbezaan pendapat di atas berteraskan kepada beberapa isu berbangkit *iaitu* adakah hasil zakat yang dikutip oleh pemerintah berhak untuk menjalankan aktiviti pelaburan? Rentetan daripada itu, persoalan yang berbangkit adalah apakah hukum bagi wakil yang dilantik pihak pemerintah menjalankan aktiviti pelaburan daripada hasil zakat? Dalam erti kata lain, adakah kuasa pemerintah terhadap harta zakat sebagai '*yad al-amānah*' yang mewajibkan pemerintah menjaganya atau '*yad al-Sultob*' yang mewajibkan pemerintah menguruskannya berdasarkan maslahat mereka yang memerlukan?

Berdasarkan penelitian terhadap dalil dan hujah yang dikemukakan, kajian mendapati bahawa kuasa pemerintah adalah sebagai '*yad al-Sultob*' dalam mengurus harta zakat dan merupakan wakil bagi pembayar dan penerima zakat berdasarkan maslahat. Hal ini bersandarkan kepada kenyataan al-Dasūqī bahawa '*pemerintah adalah wakil bagi seluruh orang Islam, seumpama wakil dalam mengurus harta wakaf*' (al-Dasūqī, n.d.). Bagaimanapun, keharusan terhadap pandangan ini melihat kepada kemaslahatan dan tidak menyebabkan pengabaian terhadap tujuan sebenar zakat *iaitu* untuk memenuhi keperluan *asnaf* yang berhak menerimanya. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa hukum menjalankan pelaburan adalah tidak diharuskan bagi pemerintah atau agensi pengurusan zakat bagi mengelak berlakunya pengabaian terhadap maslahat *asnaf* yang berhak menerima harta zakat berkenaan, kecuali terdapat keperluan yang mendesak bagi melakukan aktiviti pelaburan harta zakat berkenaan.

Mengenai pelaburan menggunakan dana sedekah dan wakaf, terdapat beberapa kaedah *takhrīj al-fiqhī* diperlukan menentukan hukum mengenainya. Pertama, dikiaskan kepada hukum pelaburan dalam perkhidmatan zakat. Jika diselaraskan dengan hukum pelaburan dalam perkhidmatan zakat, maka kajian ini menyatakan bahawa hukumnya adalah tidak diharuskan. Bagaimanapun, perkhidmatan zakat mempunyai tujuannya tersendiri *iaitu* untuk memenuhi keperluan asas *asnaf* tertentu yang layak dan hendaklah disegerakan. Hal ini berbeza dengan perkhidmatan sedekah yang tidak terikat dengan tujuan dan maksud berkenaan.

Kedua, dikiaskan kepada hukum pelaburan dalam perkhidmatan *kafalah* (menjaga anak yatim). Jika diselaraskan dengan hukum pelaburan dalam perkhidmatan *kafalah*, maka ia dilihat sesuai kerana hukumnya yang dianggap tidak diwajibkan secara syarak dan mirip dengan keadaan sedekah yang terikat kepada tempat tertentu. Rentetan daripada *takhrīj al-fiqhī* ini, ia membawa kepada keharusan menjalankan pelaburan harta sedekah yang terikat dengan waktu tertentu sekalipun berlaku kelewatan dalam pengagihannya.

Berdasarkan penelitian terhadap kedua-dua *takhrīj al-fiqhī* yang dinyatakan, penggunaan kias kepada perkhidmatan *kafalah* adalah lebih sesuai kerana situasi yang berlaku hampir sama di antara kedua-dua perkhidmatan berkenaan khususnya dalam memperoleh kebajikan, di samping kedua-duanya adalah dihukumkan sebagai *mandūb*. Selain itu, kedua-duanya adalah tertakluk kepada kehendak penyumbang, bukannya kehendak daripada syarak selain tidak terikat kepada tempoh waktu tertentu.

Berdasarkan perbincangan di atas menunjukkan keharusan bagi menjalankan pelaburan menggunakan perolehan dana daripada perkhidmatan sedekah dan wakaf. Bagaimanapun, terdapat beberapa pertimbangan yang perlu diberikan perhatian sebagai panduan dalam menjalankan pelaburan berkenaan seperti berikut:

Pertama, pelaksana perkhidmatan perlu menyeimbangkan antara keperluan segera para penerima manfaat dengan keperluan untuk menambah dan melaburkan harta bagi menjana pulangan yang berterusan. Keutamaan harus diberikan kepada kebajikan yang mendesak, tanpa mengabaikan potensi pelaburan yang dapat memperkukuh dana masa hadapan.

Kedua, syarat-syarat yang ditetapkan oleh para penyumbang dan pewakaf hendaklah dipelihara dengan penuh tanggungjawab. Pemberian sedekah sementara tidak boleh ditangguhkan daripada masa yang telah ditentukan agar tidak menyalahi amanah yang telah diberikan.

Ketiga, semua bentuk pelaburan yang dijalankan hendaklah terhad kepada pelaburan yang diharuskan syarak dan bebas daripada unsur syubhah atau aktiviti yang bertentangan dengan nilai Islam.

Keempat, sebelum melaksanakan sebarang projek pelaburan, kajian keberkesanan (*feasibility study*) yang teliti perlu dijalankan. Pelaburan berisiko tinggi hendaklah dielakkan walaupun menawarkan pulangan yang besar. Kos kajian ini mestilah sederhana dan tidak menjejaskan hak penerima manfaat.

Kelima, pelaburan yang dijalankan perlu diselia dan dipantau secara berterusan oleh pihak yang berkelayakan, berpengalaman, dan berintegriti bagi

memastikan pengurusan yang telus, berkesan, dan selaras dengan objektif kebijakan.

Keenam, pelaksana perkhidmatan perlu menjelaskan mekanisme pelaburan serta keuntungan yang diperoleh kepada masyarakat secara terbuka. Kontrak pelaburan hendaklah didokumentasikan oleh entiti berdaftar dan bebas daripada sebarang konflik kepentingan, termasuk penglibatan kakitangan institusi secara langsung.

Ketujuh, dicadangkan agar pelaksana perkhidmatan menubuhkan unit pelaburan yang khusus dan bebas untuk mengurus pelaburan. Langkah ini bertujuan melindungi institusi daripada kesan kerugian pelaburan tertentu serta memastikan pengurusan yang profesional dan berfokus.

Kelapan, pelaksana perkhidmatan perlu menyatakan secara terbuka peratusan tertentu daripada jumlah sumbangan yang diperuntukkan bagi tujuan pelaburan. Hasil pelaburan tersebut hendaklah dikembalikan kepada tujuan kebijakan, sekali gus meningkatkan ketelusan dan keyakinan penderma serta pihak berkepentingan.

Kesembilan, bagi memperkukuh kapasiti kewangan dan pelaburan, agensi pelaksana disarankan membina kerjasama strategik dengan sektor swasta yang berasaskan nilai kebijakan. Penubuhan konsortium kewangan yang kukuh dapat membuka peluang untuk menceburi projek berskala besar yang berpotensi tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

Kesepuluh, menilai keutamaan antara manfaat ekonomi dan sosial masyarakat. Pelaburan dalam projek berskala kecil yang memberi manfaat sosial secara langsung wajar dipertimbangkan sekiranya keperluan komuniti bersifat mendesak dan menyentuh golongan rentan secara terus. Namun demikian, pelaburan dalam projek berskala besar yang berpotensi menjana pulangan ekonomi tinggi juga perlu diberi perhatian, khususnya apabila hasilnya dapat digunakan untuk menyokong program sosial yang lebih meluas dan berjangka panjang. Oleh itu, satu kerangka penilaian yang komprehensif perlu dibangunkan bagi menilai keberkesanan dan keadilan setiap pilihan pelaburan, agar dana sumbangan dapat dimanfaatkan secara optimum demi kemaslahatan masyarakat keseluruhan.

## PENUTUP

Pelaksanaan konsep *wakalah* dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menuntut pendekatan yang holistik, berasaskan prinsip syariah serta merai keperluan masyarakat. Isu-isu berkaitan pengambilan upah dan pelaburan dana perlu ditangani melalui kerangka hukum Islam yang mengutamakan

kemaslahatan agar penerima manfaat sentiasa terpelihara. Dalam konteks zakat, sedekah dan wakaf, pengurusan dana harus mengutamakan kebajikan dan kepentingan awam, bukan semata-mata meraih pendapatan peribadi. Justeru, terdapat keperluan untuk menyeimbang di antara pengambilan upah atau pelaburan dengan manfaat segera penerima yang lebih memerlukan. Pada masa yang sama, pelaksana perkhidmatan yang bertindak sebagai wakil, perlulah bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan para penyumbang dengan mengutamakan tujuan sumbangan yang disampaikan. Sekiranya terdapat keperluan untuk menjalankan pelaburan, sebaiknya diwujudkan suatu unit pengurusan berkaitan dengan mematuhi terhadap perundangan dan garis panduan sedia. Unit berkenaan juga perlu menjalankan kajian impak dan keberkesanan bagi menilai risiko yang diperolehi dalam pelaburan yang dijalankan agar tidak mengalami kerugian dan kelewatan dalam memberikan manfaat kepada penerima. Oleh itu, penilaian yang lebih menyeluruh perlulah dijalankan dengan mengutamakan tujuan dan matlamat asal perolehan sumbangan sebagaimana yang diharapkan masyarakat kepada pelaksana perkhidmatan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaya (UM) atas sokongan kewangan yang diberikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Geran No.: UMG039L-2024). Sokongan ini telah memungkinkan pelaksanaan kajian bertajuk Merangka Garis Panduan Pelaksanaan *Wakalah* Dalam Sistem Perkhidmatan Islam di Malaysia Menurut Hukum Islam, yang memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan ilmu dan amalan dalam bidang ini.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmed Hussein Al-Arousi, A. (2019). *Prophetic Practice of Servant Leadership (Quality Study)*. *Journal of the Arabian Peninsula Center for Educational and Humanity Researches*, 1(1). <https://doi.org/10.56793/pcra221316>
- Al-Haitamī, A. bin M. bin ‘Alī bin H. (1983). *Tuhfat al-Muhtāj fī Sharh al-Minhāj* (Vol. 5). *Dār Ihyā al-Turath al-‘Arabī*.
- Al-Kuthairy, T. U. (2012). *الموارد المالية لمؤسسات العمل الخيري المعاصر*. *Dar al-‘Asimah*.
- Al-Nawawi, Y. bin S. (1991). *Rawdhat al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn* (Z. Al-Shawīsh, Ed.; Vol. 4). *al-Maktab al-Islāmī*.
- Al-Rahībānī, M. bin S. (1994). *Matālib Uli al-Nuhā fī Sharh Ghāyat al-Muntabā* (2nd ed., Vol. 3). *Al-Maktab al-Islāmī*.
- Al-Syāfi, M. bin I. (1983). *al-Um li al-Syāfi* (Vol. 4). *Dār al-Fikr*.

- Anjelina, E. D., Salsabila, R., & Fitriyanti, D. A. (2020). Peranan Zakat, Infak dan Sedekah dalam Meningkatkan Kesejahteraan Ekonomi Masyarakat. *Jihbiz Jurnal Ekonomi Keuangan Dan Perbankan Syariah*, 4(2). <https://doi.org/10.33379/jihbiz.v4i2.859>
- Bororo, al-N., & Mustafa, B. (2022). *Agency In Zakat and Its Provisions in Islamic Jurisprudence*. 82–69, (31)22, *مجلة الإحياء*.
- Fatin Rabia'tul Adawiyah Mohammed Fareed. (2020). Kepentingan Amalan Pengurusan Islam dalam Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. *AR-RĀ'ĪQ*, 3(2). <https://doi.org/10.59202/riq.v3i2.434>
- Hairullfazli, M. S., & Azman, A. R. (2011). Konsep Amil dan Peranannya Dalam Pengurusan Zakat. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*.
- Ibhraim, M. R., Niteh, M. Y., Ahmad, M., Abdullah, M. F. R., & Sharil, S. (2017). Khairat Kematian Di Alam Melayu. *National Pre University Seminar*, 2017.
- Ibnu Taimiyah al-Harrāni, A. bin 'Abd. al-H. (1987). *al-Fatāwa al-Kubrā Li Ibnī Taimīyah* (Vol. 4). *Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Ikram, M. F., & Ridwan, S. (2023). Multidisiplin Pengelolaan Zakat, Infak, dan Sedekah Dalam Islam. *Madani: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(11).
- Irwansah. (2021). Konsep Sedekah dalam Perspektif Filsafat Dakwah (Studi Kasus Konsep Sedekah Yusuf Mansur). *Jurnal Mantbiq*, 6(2).
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*.
- Markom, R., Zakaria, M. R., & Halim, A. H. A. (2015). Kerangka Perundangan Rumah Sedekah Sebagai Institusi Perbankan: Satu Tinjauan Awal. *1st Seminar on Sadaqa House 2015*.
- Masrukhin, N. H. S., Iskandar Mirza, A. A., Faizal Khairi, K., & Abdul Shukor, S. (2022). *Issues and Challenges on Khairat Death Fund Management: Case Study of Khairat Death Fund Organizations in Malaysia*. *International Journal of Emerging Issues in Islamic Studies (IJEIIS)*, 2.
- Mat Ali, M. F., Hamed, A. B., & Md Hussain, M. N. (2013). Hubungan Antara Kualiti Produk, Kualiti Perkhidmatan dan Kepuasan Pelanggan dalam Perbankan Islam. *International Journal of Management Studies*, 20. <https://doi.org/10.32890/ijms.20.1.2013.10385>
- Muhammad Choirin. (2021). Pendekatan Dakwah Rasulullah SAW di Era Mekkah dan Relevansinya di Era Modern. *Misykat Al-Anwar Jurnal Kajian Islam Dan Masyarakat*, 4(2).
- Muhammad Subari Ramli, M. A. (2014). Penentuan Kadar Ujrah al-Nazir dalam Pengurusan Wakaf. *Internatioanl Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2014)*, November.
- Mujib, A. (2022). Konsep Sedekah Dalam Islam. *Jurnal Pendidikan Dan Sosial Keagamaan*, 1(01).

- Mustaffa, F., Mahbob, M. H., & Wan Mahmud, W. A. (2020). Kepimpinan Transformasi Dan Elemen Percaya Pada Tuhan Dalam Organisasi Awam. *Jurnal Sains Sosial*, 5(1).
- Patmawati. (2014). Sejarah Dakwah Rasulullah SAW Di Mekah Dan Madinah. *Al-Hikmah*, 8(2).
- Rahman, A. A., & Abd Shakor, M. F. (2024). Tafsiran Amil Menurut Islam dan Negeri-Negeri Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1). <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.576>
- Raja Muhd Azman Raja Azam, & Muhammad Noor Habibi Hj Long. (2019). Kutipan Zakat Menerusi Konsep Wakalah: Satu Sorotan Awal. *Proceedings of International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (ZAWED)* 2019.
- Ramli, A. M., Jalil, A., Noor, N. H. K. Mohd. N., & Othman, S. S. (2022). Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Research (IJIEFER)*, 5(1).
- Romli, A. B., & Daud, M. N. (2023). Konsep Kompetensi Keperibadian Amil Zakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.130>
- Rosadi, A. (2017). Amil Zakat Menurut Hukum Islam dan Peraturan Perundang-Undangan. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 11(2). <https://doi.org/10.24090/mnh.v11i2.1295>
- Samsul. (2020). Tujuan Dan Sasaran Zakat Dalam Konteks Ibadah Dan Muamalah. *IBEF: Islamic Banking, Economic and Financial Journal*, 1(1).
- Sana, 'Abd. al-Ridha. (2023). أحكام صدقة التطوع وبعض تطبيقاتها المعاصرة. *Journal of the College of Islamic Sciences*, 74, 94–111. <https://doi.org/10.51930/jcois.21.74.0094>
- Shahīn, 'Ādil bin Shahīn Muhammad. (2004). أخذ المال على أعمال القرب. دار كنوز. *إثبيليا للنشر والتوزيع*.
- Syafuri, S., & Anggraeni, N. (2019). Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktik Upah (Ujrah) Amil Zakat. *MUAMALATUNA*, 10(2). <https://doi.org/10.37035/mua.v10i2.1883>
- Syams al-Dīn al-Ramlī, M. bin A. (1984). *Nihayat al-Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj* (Vol. 5). *Dār al-Fikr*.
- Syarifah Zubaidah Syed Abdul Kader. (2016). Kerangka Undang Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang Undang. *Jurnal Undang Undang Malaysia*, 28(1).